



PELBAGAI watak animasi turut menarik minat kanak-kanak di Besut, Terengganu, baru-baru ini.

# Mendedah potensi animasi

Oleh KAMARUDIN HAMZAH  
pengarang@utusan.com.my

**BESUT 13 APRIL**

**A**NIMASI lazimnya dikaitkan dengan pembikinan filem kartun dengan penglibatan mereka yang meminati dan menguasai kemahiran lukisan komik, justeru hanya sebilangan kecil yang memilih bidang itu sebagai kerjaya alternatif.

Namun bidang ini kini menjanjikan satu kerjaya baharu dengan pulangan lumayan seiring dengan kerjaya profesional yang lain atau perniagaan berpotensi tinggi apabila menjadi suatu industri global yang mencatat pulangan cukup besar.

Justeru kerjaya dalam industri animasi mampu berkembang, berdaya saing, popular dan mempunyai nilai pasaran di peringkat dunia apabila merangkumi dimensi yang lebih luas termasuklah animasi dalam pendidikan multimedia, permainan dan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

Bagi merangsang minat golongan muda untuk menimba ilmu dan kemahiran dalam bidang yang turut menjanjikan masa depan mereka dan kepentingannya dalam perkembangan ekonomi negara, Kolej Komuniti memperkenalkan beberapa kursus pengajian.

Justeru, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti dengan kerjasama Kolej Komuniti Wilayah Pantai Timur dan Pejabat Pendidikan Daerah Besut telah menganjurkan Program Animasi@Besut baru-baru ini.

Langkah itu merupakan seba-

**Bidang animasi menuntut kepada pembangunan sumber manusia dengan kreativiti tinggi bagi menggerakkan industri yang boleh menjana ekonomi negara dan Kolej Komuniti perlu turut berperanan ke arah itu.”**

**DATUK AMIR MD. NOR**  
Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti

hagian daripada usaha untuk menyedarkan masyarakat bahawa animasi suatu cabang cabang seni kreatif yang banyak manfaatnya manakala industri itu memerlukan ramaikan tenaga terlatih, dan kolej itu turut berperanan untuk melahirkan modal insan.

Pengajian program dua hari itu turut melibatkan lebih 10 syarikat animasi terkemuka yang menjalin kerjasama padu dalam membangunkan kurikulum program Sijil Animasi 3 Dimensi (3D) di Kolej Komuniti.

Beberapa institusi pendidikan tinggi seperti Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) serta Politeknik Malaysia dan Kolej Komuniti turut terlibat secara bersepadu dalam program tersebut.

Program dipenuhi dengan pameran, demonstrasi dan slot ceramah ternyata menjadi ruang untuk merintis saluran bagi mendedahkan bidang seni animasi tempatan yang memiliki pengalaman dan kemahiran dengan hasil telah mencapai taraf dunia.

Perasmian program yang dilangsungkan di Dewan Majlis Daerah Besut (MDB) Gong Kemunting pada disempurnakan oleh Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh yang juga Ahli Parlimen Besut dalam suasana penuh dan meriah.

Suasana dihangatkan lagi dengan kemunculan 20 watak animasi Malaysia seperti *Kuang Man, Bo Boi Boy, Pendekar Tudung Saji, Kampung Boy, Iron Boy* yang mencetuskan fenomena, ternyata menarik minat pengunjung terutama kanak-kanak dan pelajar sekolah.

Dua hari sebelum itu, sebagai satu promosi, watak-watak tersebut telah mengunjungi beberapa tabika bagi menemui kanak-kanak selain di Pasar Tani Kuala Besut dan tempat-tempat awam bagi menemui masyarakat.

Dalam Karnival itu, ramai pengunjung mengambil peluang mencuba sendiri peralatan yang digunakan termasuk tablet 'Wacom' yang merupakan keperluan dalam industri animasi dan perisian-perisian media lain yang digunakan untuk melatih pelajar menjadi animator, modeller, pereka konsep artis dan pengurusan profesional.

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, **Datuk Amir Md. Nor** berkata, matlamat utama program itu ialah sebagai pendedahan awal kepada golongan muda khu-

**IDRIS JUSOH** ‘berguru’ dengan robot sambil disaksikan Amir Md. Nor (belakang) ketika merasmikan Program Animasi@Besut, di Besut, Terengganu, baru-baru ini.



**IDRIS JUSOH** bersama kanak-kanak yang memegang watak animasi ketika merasmikan Program Animasi@Besut, di Terengganu, baru-baru ini.

susnya pelajar sekolah rendah dan menengah.

Katanya, bidang animasi menuntut kepada pembangunan sumber manusia dengan kreativiti tinggi bagi menggerakkan industri yang boleh menjana ekonomi negara, dan Kolej Komuniti perlu turut berperanan ke arah itu.

Sementara itu beberapa pengunjung yang ditemui menyatakan rasa terpegun dengan program yang jumlah kali diadakan di sini dan menyifatkannya sebagai pengalaman

menarik yang sangat berguna.

Seorang pelajar, **Nur Syahirah Mat Ghani** berkata, sebelum ini dia beranggapan apabila datang hanya akan bertemu dengan lukisan dan watak-watak kartun tetapi setelah masuk ke dewan merasa terkejut dengan apa yang ada.

“Rupanya banyak perkara boleh dibuat menggunakan kaedah animasi ini termasuk dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dalam bilik darjah dan untuk kefahaman pelajar dan yakin animasi

boleh melekat pada mereka,” katanya. **Muhamad Firdaus** berkata, dia mula mengetahui tentang teknologi animasi selepas mengikuti program pelajaran di sini.

“Ketika ini dia mampu membuat animasi sederhana dan dia berharap dia boleh membuat animasi yang lebih kompleks di masa hadapan,” katanya.